

# Jangan terlalu ghairah hukum individu: Mahathir

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli parti supaya jangan terlalu ghairah menghukum seseorang, apa lagi meyakini seseorang itu bersalah, selepas hanya mendengar cerita sebelah pihak melalui surat layang.

"Apakah surat layang boleh dipercayai? Apakah tujuan surat layang? Apakah tujuannya keadilan?" kata Presiden Umno itu ketika menyampaikan ucapan dasar di perhimpunan agung Umno, di sini, hari ini.

Berhubung hukuman terhadap salah seorang bekas pemimpin kerajaan yang didakwa mencabul kehormatan seorang wanita Islam, Dr Mahathir berkata Peguam Negara sudah pun berkata tidak ada kes.

"Apakah reaksi mereka yang ghairah untuk menghukum?" katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata Umno menjatuhkan hukuman awal-awal lagi terhadap pemimpin berkenaan kerana berpendapat pemimpin kerajaan tidak boleh melakukan apa yang boleh menyebabkan sangkaan buruk terhadap dirinya.

"Pemimpin kerajaan bukan sahaja dikehendaki bersih, tetapi juga hendaklah ternampak bersih. Tidaklah mencukupi jika kita sebenarnya bersih, tetapi ternampak kotor.

"Justeru itu, parti menjatuhkan hukuman dengan harapan semua pihak berhenti di situ sahaja. Malangnya ia tidak berhenti di situ. Mereka yang jatuh perlu dipijak-pijak. Demikianlah tabiat manusia," katanya menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Pas juga begitu ghairah memainkan isu itu sebagai isu politik sehingga membelakangkan hukum hudud yang mereka gubal.

"Dalam hal ini mereka membelakangkan undang-undang yang digubal oleh mereka sendiri yang mereka dakwa sebagai hukum hudud. Jika benarlah mereka percaya kepada undang-undang tentulah mereka tidak akan mempolitikkan peristiwa itu," katanya.

"Jika dikuatkuasakan undang-undang Pas ini, awal-awal lagi orang yang dituduh akan didapati tidak bersalah kerana tiada empat saksi yang tidak berdosa besar melihat sesuatu pencabulan berlaku secara jelas," katanya.

"Sebaliknya, wanita yang dikatakan menjadi mangsa didapati hamil. Mengikut undang-undang Pas, kehamilan di luar nikah adalah bukti berzina. Hukum Pas terhadap orang yang berzina ialah rejam dengan batu atau disebat selepas anak dilahirkan. Dengan demikian yang dituduh mencabul dilepaskan dan dicabul dihukum," jelasnya.

Tetapi, Dr Mahathir berkata kerana kepentingan politik, undang-undang sendiri tidak dihormati oleh Pas. Apa yang penting ialah politik, bukan keadilan dalam Islam.

Di kalangan Umno pula, kata Dr Mahathir, ada yang sudah *paraphrase* petikan Shakespeare dalam perlakonan Julius Caesar yang berbunyi 'bukanlah saya kurang sayang kepada si polan, tetapi saya lebih sayang kepada Umno'.